

**UNTUK SIARAN SEGERA**



*Syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan*

**PR1MA Bersama Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP)  
Bekerjasama untuk Memudahkan Pembiayaan Untuk Anak Muda**  
*Kerjasama ini adalah untuk Merealisasikan Aspirasi “1 Keluarga 1 Rumah”*

**LARKIN, JOHOR** 4 Mac 2022 – YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri hari ini hadir menyampaikan surat tawaran kepada bakal pembeli Residensi Larkin Indah, Johor Bahru. Turut hadir menyaksikan majlis adalah Menteri Besar Johor YAB Dato’ Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Pengarah Ekonomi Pejabat Perdana Menteri Shahril Sufian bin Hamdan serta Pengerusi PR1MA Dato’ Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya.

Dengan wawasan untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan “1 Keluarga 1 Rumah” selari dengan hala tuju Keluarga Malaysia, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), sebuah agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang dipertanggungjawabkan untuk membina rumah mampu milik dan meningkatkan pemilikan rumah sejajar dengan Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) hari ini telah menjalin kerjasama dengan Skim Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan bagi melaksanakan Skim Pinjaman Perumahan Inovatif PR1MA.

Menurut YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, “Kerjasama SJKP bersama PR1MA ini adalah selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia serta Kempen Pemilikan Rumah,

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

'Home Ownership Programme' (HOPE) oleh KPKT. Sebagai permulaan, ia ditawarkan kepada pembeli kediaman Residensi Larkin Indah sebelum diperluaskan ke projek PR1MA di seluruh negara.”

Untuk makluman, SJKP ditubuhkan untuk memberikan sokongan kepada mereka yang tidak mempunyai dokumentasi lazim pinjaman perumahan antaranya slip gaji, penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya. Ini sekali gus dapat meningkatkan kadar kelulusan pembiayaan pinjaman perumahan di kalangan anak muda yang terlibat dalam sistem ekonomi gig iaitu mereka yang mempunyai perniagaan sendiri. Melalui program SJKP, bakal peminjam akan mendapat pembiayaan lebih tinggi sehingga 100 peratus.

Sehingga kini, terdapat 16 institusi kewangan yang menyokong kolaborasi untuk Skim Pembiayaan Perumahan Inovatif PR1MA ini. Senarai penuh boleh dirujuk di laman web SJKP ([www.sjkg.com.my](http://www.sjkg.com.my)). Kadar faedah bagi pembiayaan pula adalah kurang daripada 5 peratus bergantung kepada bank dan kelulusan pembiayaan adalah dalam tempoh yang singkat.

Pengerusi PR1MA Dato' Dr. Fathul Bari bin Mat Jahya berkata, program rintis ini disasarkan kepada bakal pembeli Residensi Larkin Indah terutamanya golongan anak muda yang berumur 35 tahun ke bawah.

“Golongan sasaran yang boleh memohon skim ini ialah individu berkelayakan yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan slip gaji untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan gadai janji,” katanya lagi.

Dalam majlis yang sama, Perdana Menteri turut melihat visual unit contoh Residensi Larkin Indah. Residensi ini mempunyai 1,174 unit kediaman yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti dewan serbaguna, pejabat pengurusan, tadika, taska, taman permainan dan kawalan keselamatan 24 jam, selari dengan aspirasi Kerajaan

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

untuk melahirkan Malaysia yang Berdaya Huni. Sehingga kini, sebanyak 337 unit Residensi Larkin Indah yang telah terjual dan 642 unit telah ditempah.

## **PR1MA JUGA MEMBUKA PELUANG PEKERJAAN MELALUI STEP**

Selain itu, PR1MA juga membuka 1,000 peluang pekerjaan kepada anak muda melalui program PR1MA STEP (*SAKU Training and Employment Programme*) selari dengan inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini dengan sasaran untuk membuka 600,000 peluang pekerjaan. Program Tanggungjawab Sosial Korporat di bawah aspirasi #PR1MAKita ini adalah kolaborasi antara PR1MA bersama Institusi Pendidikan Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

Mereka yang diterima masuk akan ditugaskan sama ada di ibu pejabat PR1MA di Ara Damansara ataupun di Pejabat Wilayah PR1MA di mana tempoh kontrak adalah selama 1 tahun dengan tambahan 1 tahun lagi dalam bentuk pembaharuan kontrak.

“Program ini telah mula kami laksanakan pada September 2021. Kami berharap inisiatif ini dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia terutamanya anak-anak muda yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik ataupun mereka yang baru menamatkan pengajian,” kata Dato’ Dr. Fathul Bari.

Mereka yang berminat boleh menghantar permohonan melalui emel ke [recruitment@pr1ma.my](mailto:recruitment@pr1ma.my).

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman sesawang PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau e-emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---